

Kerajaan dapat semula tambahan aset 1MDB RM1b

Proses pemulihan syarikat terus giat dijalankan khususnya di luar negara

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan berjaya mendapatkan semula tambahan aset 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dianggarkan berjumlah lebih RM1 bilion dengan proses pemulihan membabitkan badan itu terus giat dijalankan khususnya di luar negara.

Perkembangan itu dimaklumkan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat, di sini semalam.

"1MDB ini pada peringkat akhir, masih ada kemasukan (pemulangan semula dana) baru-baru ini. Saya tak dapat teka berapa jumlahnya tetapi ia mencecah RM1 bilion tambahan daripada (jumlah) dulu.

"Prosesnya masih diteruskan di Switzerland, London dan ada jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan (bagi tujuan itu)," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (BEBAS-Tanjong Karang) mengenai jumlah semasa dana 1MDB yang sudah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam akaun pemulihan aset negara.

Januari lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam satu kenyataan berkata, hasil kerjasama dengan pelbagai pihak berkaitan di peringkat antarabangsa, antaranya Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) dan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ), sebanyak AS\$20 juta (kira-kira RM90 juta) berjaya dipulangkan kepada negara.

SPRM dalam satu kenyataan berkata dana itu daripada ahli perniagaan, Frank White Jr dan rakan kongsi firma pelaburan DuSable Capital Management LLC (DuSable).

SPRM turut memaklumkan, jumlah itu tidak termasuk dana keseluruhan iaitu RM29.73 bilion yang berjaya dikembalikan sebelum ini.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menegaskan, selain memberi



Anwar pada sesi Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

tumpuan kepada kes 1MDB, kerajaan turut memberi perhatian kepada pelbagai sindiket dan aktiviti penyeludupan lain.

Tangani ketirisan

Beliau berkata, ia merangkumi pelbagai jenayah antaranya berkaitan komunikasi, e-kewangan, e-dagang, pinjaman dan pelaburan tidak wujud dan 'love scam'.

Mengulas mengenai aspek penguatkuasaan bagi menangani ketirisan, rasuah dan sindiket jenayah, perdana Menteri berkata, ia sudah dipertingkatkan sejak dua tahun lalu melalui sinergi bersama pelbagai agensi berkaitan.

"Apakah penguatkuasaan dijalankan? Ya, dijalankan kalau tidak tak dapatlah RM15.5 bilion

(rampasan). Ia dibuat melalui penguatkuasaan yang tegas dan berani dan setakat yang saya tahu ini paling efektif dan berkesan dalam sejarah.

"Saya belum pernah lihat (rampasan) penyeludupan dan lain-lain hingga cecah RM15.5 bilion. Sebab itu saya berikan penghargaan tinggi kepada badan yang terbabit.

"(Setakat ini) lebih 20 kes sudah didakwa tapi masih dalam proses mahkamah. Saya belum tahu statusnya tetapi ia akan ambil masa. Apakah akan didakwa sepenuhnya? Saya kata tadi fasa pertama kita sita dan rampas, fasa kedua baru disipkan kertas pendakwaan dan akan diputuskan Peguam Negara," katanya.